

8

SENI PADA ABAD KE-20

8.1 SENI PADA ABAD KE-20

Pada abad ke-20, masyarakat dunia menegaskan mengenai penemuan dan cara berfikir baharu dalam pelbagai lapangan termasuklah sains, teknologi, ekonomi dan politik. Idea baharu ini mendorong manusia untuk menyemak semula secara terperinci mengenai kefahaman mereka mengenai dunia. Secara khususnya, nilai legasi gerakan Eropah mula tunduk kepada pandangan berinovasi. Golongan intelektual menentang pandangan konvensional pada abad ke-18 hingga 19 dengan pandangan beralasan menentang tanggapan tradisi berkenaan fizikal alam semesta, struktur masyarakat dan sifat-sifat kemanusiaan.

8.2 FAUVISM

Di Paris pada tahun 1905, *Salon d'Automne* (Autumn Salon) lebih liberal dalam penerimaan pandangan baharu tentang seni. Ini termasuklah sebuah bilik lukisan oleh Henri Matisse, Maurice de Vlaminck, Andre Derain, Georges Rouault dan lain-lain lagi yang turut mempamerkan karya mereka buat pertama kali. Pengkritik seni Louis Vouxcelles telah membuat ulasan mengenai pameran tersebut dan melabelkan pelukis-pelukis tersebut sebagai *Les Fauves* (*The Wild Beast*) disebabkan sisi ganas dan penggunaan warna yang tanpa batas dan bebas dalam lukisan tersebut.



[Sumber: San Francisco Museum of Modern Art (SFMOMA)]

Rajah 8.1: Henri Matisse, Wanita dengan Topi, 1905.

Pelukis yang melancarkan Fauvism seperti Van Gogh dan Gauguin percaya bahawa warna boleh menzahirkan ekspresi yang tersendiri di mana realitinya seperti apa yang dikatakan oleh Van Gogh sebagai 'sikap pelukis'. Henri Matisse adalah pelopor kepada Fauves dari tahun 1869 hingga 1954. Pada usia 22 tahun, Matisse telah meninggalkan kerjayanya dalam bidang undang-undang hanya kerana ingin melibatkan diri dalam bidang seni.